**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA**
**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**
**MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-30 KHAS (4/2023) SECARA DALAM TALIAN**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 5 Oktober 2023 (Khamis) |
| Masa | : | 2.30 Petang |
| Platform | : | Secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet* |
| Kehadiran | : | Seperti di **Lampiran A** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| **30.1** | **Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-30 Khas (4/2023) secara dalam talian melalui Aplikasi *Google Meet.* | **Makluman** |
| **30.2** | **Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] & Dokumentasi ISMS**<br><br>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Perubahan Dokumen ISMS adalah sebagaimana **Laporan Agenda 2** yang dibentang.<br><br>(b) Mesyuarat mengambil maklum terdapat sebanyak tiga (3) dokumen yang dipinda seperti berikut:<br><br>(i) Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) Semakan Oktober 2023;<br>(ii) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS Semakan Oktober 2023; dan<br>(iii) Dokumen Isu Dalaman dan Luaran ISMS Semakan September 2023. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum perubahan Dokumen Penyata Pemakaian dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS disebabkan terdapat pindaan pada senarai nama/kod dokumen ISO yang dirujuk. | **Makluman** |
| | (d) Mesyuarat meneliti cadangan perubahan yang dikemukakan dan bersetuju meluluskan Dokumen Penyata Pemakaian dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS untuk diguna pakai oleh semua Pasukan ISMS/PTJ/entiti sokongan ISMS bermula pada 5 Oktober 2023. | **Penyelaras ISMS** |
| | (e) Mesyuarat turut bersetuju mengesahkan pemakaian Dokumen Isu Dalaman dan Luaran ISMS yang terkini dengan tarikh kemaskini pada 6 September 2023 sebagaimana dipersetujui semasa Sesi Semakan Isu Dalaman dan Luaran ISMS yang dijalankan pada 23 Ogos 2023. | **Penyelaras ISMS** |
| **30.3** | **Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Semakan Oktober 2023**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko setiap pasukan ISMS hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko ISMS Siri 2/2023 pada 4 Oktober 2023 adalah seperti **Laporan Agenda 3** yang dibentangkan semasa mesyuarat. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1291 risiko dengan tahap rendah (L), 47 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 795 aset yang terlibat bagi semua pasukan ISMS. | **Makluman** |
| | (c) secara perbandingan Penilaian Risiko ISMS Semakan Oktober 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 17 aset yang dinilai yang turut membawa kepada peningkatan jumlah ancaman sebanyak 18 berbanding penilaian semakan Mac 2023. | **Makluman** |
| | (d) turut mengambil maklum sebanyak 1327 risiko diterima (accept) dan 11 risiko dipindah (transfer) berdasarkan penilaian dan pelan pemulihan yang telah dilaksana oleh pasukan ISMS. | **Makluman** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
| --- | --- | --- |
| | (e) mengambil maklum perbandingan tahap risiko mengikut pasukan ISMS dari tahun 2019 hingga Oktober 2023 adalah seperti pada **Laporan Agenda 3** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah seperti perincian yang dinyatakan dalam Sistem MyRAM setiap pasukan ISMS. | **Makluman** |
| | (g) bersetuju meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Oktober 2023) dan pemakaiannya akan dihebahkan kepada semua pasukan/entiti ISMS sebagai rujukan terkini semasa pelaksanaan Audit SIRIM ISMS Tahun 2023. | **Penyelaras Penilaian Risiko ISMS & Penyelaras ISMS** |
| | (h) meminta semua pasukan diminta mengemukakan satu (1) salinan lembut (softcopy) Laporan Terperinci Penilaian Risiko ISMS Semakan Oktober 2023 (Detail Risk Assessment Report) yang dicetak melalui Sistem MyRAM yang telah lengkap ditandatangani kepada pihak Urusetia CQA untuk tujuan rekod. | **Semua Ketua Pasukan ISMS** |
| **30.4** | **Hal-hal Lain**<br><br>**30.4.1 Perubahan Struktur Organisasi Pasukan ISMS** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS sepertimana **Laporan Agenda 4.1** yang dibentang merangkumi perkara berikut:<br><br>(i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS;<br>(ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang;<br>(iii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu; dan<br>(iv) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah. | **Makluman** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| | (b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan semua struktur organisasi ISMS UPM yang dinyatakan dengan tarikh pemakaian/kemaskini pada 5 Oktober 2023. | **Penyelaras ISMS** |
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum bahawa surat lantikan baharu hanya akan dikeluarkan sekiranya melibatkan pertukaran/pengantian pegawai sahaja. Perubahan yang hanya melibatkan pindaan pada nama bahagian/jawatan pegawai lantikan sedia ada tidak akan dikeluarkan surat lantikan baharu tetapi hanya akan dikemaskini pada struktur organisasi pasukan ISMS berkenaan. | **Makluman** |
| | **30.4.2 Status Penutupan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum status penutupan penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023 setakat 4 Oktober 2023 adalah seperti perincian **Laporan Agenda 4.2** yang dibentang iaitu bagi NCR sebanyak dua (2) telah ditutup dan sembilan (9) belum ditutup manakala bagi OFI, dua (2) ditutup dan 13 belum ditutup. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat mengambil maklum ringkasan status penutupan penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023 mengikut PTJ adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| BIL | PTJ | BIL NCR | | BIL OFI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Ditutup | Belum Ditutup | Ditutup | Belum Ditutup |
| 1 | FP | 0 | **1*** | 0 | **1*** |
| 2 | FS | 1 | 0 | 0 | **1*** |
| 3 | IDEC | 0 | **2*** | 0 | **2** |
| 4 | INTL | 0 | **1*** | - | **-** |
| 5 | PPKKP | 0 | **1** | 0 | **1** |
| 6 | TNCHEPA | 1 | **1*** | 1 | **0** |
| 7 | CADe-Lead | 0 | **2*** | 0 | **1*** |
| 8 | UPMKB | 0 | **1** | 0 | **2** |
| 9 | BURSAR | - | - | 0 | **1*** |
| 10 | CQA | - | - | 1 | **1** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|

| BIL | PTJ | BIL NCR | | BIL OFI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Ditutup | Belum Ditutup | Ditutup | Belum Ditutup |
| 11 | SPS | - | - | 0 | **2** |
| 12 | FBSB | - | - | 0 | **1*** |
| **JUMLAH** | | **2** | **9** | **2** | **13** |

*PTJ belum melengkapkan pelan tindakan NCR/OFI

(c) Mesyuarat meminta semua Pasukan/PTJ ISMS yang terlibat melengkapkan maklumat pelan tindakan penemuan audit dan/atau mengambil tindakan penutupan penemuan audit dalaman mengikut tempoh masa yang dipersetujui dalam Portal Jaminan Kualiti UPM (PortalCQA). — **Ketua Pasukan ISMS/ PTJ ISMS berkenaan**

**30.4.3 Jadual Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM ISMS Tahun 2023**

Mesyuarat mengambil maklum:

(a) Jadual Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM ISMS Tahun 2023 yang akan dijalankan pada 9 hingga 13 Oktober 2023 adalah sepertimana **Laporan Agenda 4.3** yang dibentang. — **Makluman**

(b) seramai tiga (3) orang Juruaudit SIRIM yang diketuai oleh Puan Sazlin Alias akan hadir melaksanakan audit di 13 PTJ ISMS seperti berikut: — **Makluman**

(i) Pusat Jaminan Kualiti;
(ii) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
(iii) Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik;
(iv) Pusat Antarabangsa;
(v) Sekolah Pengajian Siswazah;
(vi) Pejabat Penasihat Undang-undang;
(vii) Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
(viii) Bahagian Perumahan dan Penempatan;
(ix) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik;
(x) Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar;

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| | (xi) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan;<br>(xii) Kolej Dua Belas; dan<br>(xiii) Kolej Tun Dr. Ismail. | |
| | (c) meminta semua Pasukan ISMS/PTJ ISMS yang terlibat membuat persediaan sebagaimana keperluan yang akan disampaikan semasa Taklimat Persediaan Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM yang akan diadakan secara dalam talian pada 6 Oktober 2023 oleh pihak Pusat Jaminan Kualiti. | **Ketua Pasukan ISMS/ PTJ ISMS berkenaan** |
| | **30.4.4 Pengemaskinian Senarai Nama Pegawai Diberi Akses Sistem MyRAM (Semakan Oktober 2023)** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum senarai nama pegawai yang diberi akses ke sistem MyRAM sehingga Oktober 2023 bagi setiap pasukan ISMS adalah seperti di **Lampiran B.** | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan senarai nama yang dikemukakan untuk direkodkan dan dijadikan rujukan dalam proses penilaian risiko ISMS UPM. | **Penyelaras Penilaian Risiko & Semua Ketua Pasukan ISMS** |
| | **30.4.5 Pengemaskinian Pencapaian Objektif ISMS sehingga Oktober 2023** | |
| | (a) Mesyuarat meminta pasukan ISMS yang telah melengkapkan aktiviti/tindakan bagi pengukuran Objektif ISMS tahun 2023 supaya dapat mengemaskini maklumat pencapaian setakat Oktober 2023 untuk dijadikan rujukan semasa Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM Tahun 2023. | **Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti** |

| Minit | Agenda | Tindakan/ Makluman |
|---|---|---|
| | (b) Mesyuarat turut dimaklumkan pengemaskinian pencapaian objektif berkaitan pendaftaran pelajar bacelor bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) hanya dapat dilengkapkan selepas pendaftaran pelajar bacelor ambilan kedua dilaksana pada 20 Oktober 2023. | **Makluman** |
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum pelaporan penuh pencapaian objektif ISMS tahun 2023 akan dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS pada awal tahun 2024. | **Makluman** |
| | **30.4.6 Penyediaan Laporan Analisis Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023**<br><br>Mesyuarat meminta pasukan ISMS yang berkenaan supaya dapat menyediakan Laporan Analisis Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023 yang telah melepasi tempoh tindakan seperti berikut:<br><br>(i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Program Diploma (Bintulu) Sesi Kemasukan 2023/2024 pada 24 Julai 2023;<br><br>(ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Tahun 2023 pada 17 hingga 31 Julai 2023; dan<br><br>(iii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2022/2023 pada 17 Julai 2023 hingga 30 Ogos 2023. | **Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu), Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti** |
| **30.5** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.40 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi. | |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**
**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-30 KHAS (4/2023)**
**SECARA DALAM TALIAN**

**HADIR**

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
3. Puan Yasminani Mohamad (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
4. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
5. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
6. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
7. Encik Jivanathan Arumugam (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
8. Ts. Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
9. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia, Pusat Jaminan Kualiti)
2. Encik Abdul Hadi Abd Rashid (Wakil, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Encik Zulkernain Zamawi (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
5. Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
6. Puan Rahmawati Umar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)

**Lampiran B**

## SENARAI NAMA PEGAWAI YANG DIBERI AKSES KE SISTEM MYRAM SEHINGGA OKTOBER 2023

| NAMA PASUKAN | NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM | JAWATAN |
|---|---|---|
| PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG (Oct 2023) | Abdul Hadi Abd Rashid | Project Manager |
| | Abdul Wahid Mohd Sidik | Team Member |
| | Abdullah Arshad | Project Advisor |
| | Askina Aziz | Team Member |
| | Fadhlil Zakuan Ahmad Fadzil | Team Member |
| | Mohd Firdaus Zakaria | Team Member |
| | Ibrahim Hassan, ASP/PB | Team Member |
| | Mazitah Ahmad | Team Member |
| | Mohamed Shukri Mohamed Noor | Team Leader |
| | Mohd Hazrie Minhat | Team Member |
| | Mohd Mazlimin Omar | Team Member |
| | Mohd Nidzam Ismail | Team Member |
| | Noor Baizura Mohd Safifee | Team Member |
| | Nor Hasuzie Abdullatif | Team Member |
| | Noraida Ahmad | Team Member |
| | Norazlina Zulkefli | Team Member |
| | Norhasliza Ghazali | Team Member |
| | Norshahilda Md. Shahril | Team Member |
| | Nur Fazrina Ismail | Team Member |
| | Rahiza Abu Hanipah | Team Leader |
| | Shafiz Ishak | Team Member |
| | Shamriza Shari | Team Member |
| | Siti Noriza Samad | Team Member |
| | Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr. | Team Leader |
| | Wan Hafizi Wan Umar | Team Member |
| | Zainor Mazwin Zainal | Team Member |
| | Zurayawati Sulaiman | Team Member |
| | Mohamad Rizal Zamberi | Team Member |
| PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH UPMKB (Oct 2023) | Abdul Mohammad Omar | Team Member |
| | Dexter Elvin Menari | Team Member |
| | Mohamad Syukri Mohamad Adnan | Team Member |
| | Mohd Amaludin Salleh | Project Manager |
| | Muhammad Amru Badrul Hisam | Team Member |
| | Noor Hakim Ahmad | Project |

| NAMA PASUKAN | NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM | JAWATAN |
|---|---|---|
| | | Manager |
| | Nurul Haziqah Hasan | Team Member |
| | Shamriza Shari | Team Member |
| | Sudirman Asmadi | Team Leader |
| | Wan Hafizi Wan Umar | Team Member |
| | Zulkernain Zamawi | Team Member |
| PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SEPENUH MASA SISWAZAH (Oct 2023) | Abdul Razif Abdul Razak | Team Member |
| | Abdul Wahid Mohd Sidik | Team Member |
| | Abdul Zaidi Abdullah | Team Member |
| | Azman Shah Mohd Shahar | Team Member |
| | Fauzie Mohamad | Team Member |
| | Juraidah Mohamad Amin | Team Member |
| | Mohamad Rizal Zamberi | Team Member |
| | Mohd Mazlimin Omar | Team Member |
| | Muhammad Amru Badrul Hisam | Team Member |
| | Norhasliza Hassan | Team Member |
| | Nur Izyan Abd Aziz | Team Member |
| | Pavithra Panir Selvam | Team Member |
| | Rahmawati Umar | Team Member |
| | Salwati Abdul Ghani | Team Member |
| | Shafiz Ishak | Team Member |
| | Shamriza Shari | Team Member |
| | Suhana Johan | Team Member |
| | Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr. | Team Member |
| | Wan Hafizi Wan Umar | Team Member |
| | Zurayawati Sulaiman | Team Member |
| | Noor Baizura Mohd Safifee | Team Member |
| PROSES PENILAIAN PENGAJARAN (CADe) (Oct 2023) | Abdul Wahid Mohd Sidik | Team Member |
| | Azry Mohd. Adeny | Team Member |
| | Jivananthan Arumugam | Team Member |
| | Kamal Sufian Othman | Team Member |
| | Mohd Mazlimin Omar | Team Member |
| | Muhammad Faris Aqil Ideris | Team Member |
| | Nor Azirawani Man | Team Member |
| | Noraida Ahmad | Team Member |
| | Rosliza Ibrahim | Team Member |
| | Shafiz Ishak | Team Member |
| | Shamriza Shari | Team Member |
| | Wan Hafizi Wan Umar | Team Member |
| | Yasminani Mohamad | Team Member |

| NAMA PASUKAN | NAMA AHLI DIBERI AKSES MYRAM | JAWATAN |
|---|---|---|
| | Zurayawati Sulaiman | Team Member |
| SISTEM SOKONGAN PUSAT DATA (Oct 2023) | Fadhli Zil Ikram Omar | Team Member |
| | Mohamad Farid Harun | Team Leader |
| | Mohd Mazlimin Omar | Team Member |
| | Rostam Abu Bakar | Team Member |
| | Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail | Team Member |
| | Shamriza Shari | Team Member |
| | Wan Hafizi Wan Umar | Team Member |

Kemaskini: 5 Oktober 2023